



**PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG**  
**PENANG DEVELOPMENT CORPORATION**

## **POLISI HADIAH**

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) komited untuk mengawal penerimaan dan pemberian hadiah mengikut tatacara dan peraturan selaras dengan peruntukan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 : Garis Panduan Pemberian Dan Penerimaan Hadiah Dalam Perkhidmatan Awam, Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah PDC dan Polisi Anti Rasuah PDC.

Sehubungan itu, PDC akan:-

- i. Menyampaikan penerangan kepada warga PDC berkaitan kategori dan definasi jelas berkaitan hadiah;
- ii. Menyampaikan penerangan kepada warga PDC berkaitan Garis Panduan Penerimaan dan Pemberian Hadiah PDC;
- iii. Menyampaikan penerangan kepada warga PDC berkaitan proses dan tatacara yang terlibat;
- iv. Menyampaikan hebahan kepada pihak berkepentingan berkaitan hadiah yang boleh dan tidak diterima;

Polisi ini terpakai kepada semua warga PDC dan pihak-pihak yang berkepentingan.

  
.....  
**DATO' AZIZ BIN BAKAR**  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG



**PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG**  
**PENANG DEVELOPMENT CORPORATION**

## **POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT** **(*Whistleblowing*)**

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) komited untuk menggalakkan aduan bagi mencegah dan membanteras rasuah selaras dengan Polisi Anti Rasuah PDC.

Sehubungan itu, PDC menyediakan:-

- i. Saluran aduan berkaitan rasuah dan integriti selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) dan Garis Panduan Perlindungan Pemberi Maklumat PDC; dan
- ii. Memastikan maklumat pengadu tidak didedahkan dan diketahui oleh mana-mana pihak;
- iii. Setiap aduan yang diterima akan diambil tindakan susulan; dan
- iv. Unit Integriti adalah badan bebas yang dipertanggungjawabkan bagi menjalankan fungsi Pengurusan Aduan berkaitan Rasuah dan Integriti PDC.

Polisi ini terpakai kepada warga PDC dan pihak-pihak yang berkepentingan.

  
.....  
**DATO' AZIZ BIN BAKAR**  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG



**PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG**  
**PENANG DEVELOPMENT CORPORATION**

## **POLISI ANTIRASUAH**

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) komited untuk mencegah dan membanteras rasuah selaras dengan nilai teras PDC.

Sehubungan itu, PDC akan:-

- i. Menghalang warga PDC untuk meminta, menerima dan menawarkan sebarang bentuk rasuah;
- ii. Mematuhi peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan segala Undang-Undang dan Peraturan yang terpakai dalam setiap aktiviti PDC;
- iii. Polisi ini bersesuaian dengan halatuju atau Pelan Perancangan Strategik PDC berdasarkan kerangka kerja untuk mempastikan pelaksanaan dan pencapaian objektif anti rasuah;
- iv. Memastikan semua warga PDC, rakan niaga dan pihak yang berurusan dengan PDC mematuhi Polisi Anti Rasuah PDC dan segala prosedur yang berkaitan dengan Sistem Pengurusan Antirasuah PDC ke arah penambahbaikan secara berterusan;
- v. Menyediakan saluran aduan bagi setiap tindakan rasuah yang disyaki selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711);
- vi. Unit Integriti adalah badan bebas yang dipertanggungjawabkan bagi menjalankan fungsi pematuhan kepada Pengurusan Anti Rasuah PDC; dan
- vii. Tindakan Undang-Undang dan Disiplin akan dikenakan kepada pihak yang melanggar Polisi Anti Rasuah PDC ini.

Polisi ini terpakai kepada warga PDC dan pihak-pihak yang berkepentingan.

  
.....  
**DATO' AZIZ BIN BAKAR**  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG